

**Kajian Penggunaan Modul Pembelajaran Elektronik Mata Pelajaran  
Pengurusan Penyeliaan (C523) Ke Atas Pelajar-Pelajar Kursus  
Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS.**

**MOHD NAZRI BIN HJ. DAROS**

**Projek Sarjana Ini Dikemukakan Sebagai  
Memenuhi Syarat Penganugerahan  
Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)**

**Jabatan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn  
Parit Raja, Batu Pahat, Joho**

**MAC 2003**

***Bingkisan Dari hati Untuk Kalian***

*Kasih Sayang Tidak Terhingga Buat.....*

***Allahyarham Ayahanda Hj. Daros Bin Hj. Ariffin Dan Bonda Hjh.***

***Rodziah Binti Jusoh***

*Pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan akan dikenang sepanjang hayat. Kejayaan ini buat Abah dan Mak.....*

*Buat Yang Diingati Dan Disayangi....*

***Ayahanda Mat Hussin Dan Bonda Napisah, Kekanda Najmiah, Nazriyah, Nazura, Roslan, Ismail, Anakanda Aina, Yai, Mamat, Nurin, Amir, Nurin Dan Bibi.***

*Buat Yang Tersayang Dan Teristimewa....*

***Isteri Tercinta Mohaieda Bt. Mat Hussin***

*Kasih sayangmu tiada tolok bandingnya. Dikau yang terbaik dan teristimewa dan sentiasa memberi dorongan terhadap kejayaan ini...*

*Dan untuk.....*

***Kawan-kawan serumah... ..Pojie, Jemin, Maui, Aboo, Nizam Dan An***

*Kenangan bersama kalian akan dikenang selamanya....*

## PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya, maka projek penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia projek sarjana, Encik Mahmad Amir Bin Radzali di atas segala ilmu, nasihat, idea serta dorongan yang telah diberikan disepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Dikesempatan ini juga, terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada En. Abdul Rahman Huraissen, Ketua Kursus Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS yang telah memberikan kerjasama bagi menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih juga buat pelajar-pelajar semester akhir Diploma Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS di atas kerjasama yang diberikan terutamanya saudara Adi.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional, KUiTTHO di atas segala ilmu yang telah dicurahkan. Akhir sekali penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Semoga semuanya diberkati oleh Allah s.w.t. hendaknya.....

## ABSTRAK

Dunia pendidikan telah mengalami perubahan yang besar dengan kehadiran era teknologi maklumat. Kehadiran komputer di dalam dunia pendidikan sememangnya tidak dapat dielak lagi. Sememangnya kehadiran komputer sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) berpotensi untuk dibangunkan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Namun, penggunaan komputer sebagai medium pengajaran dan pembelajaran masih tidak digunakan dengan meluas di politeknik-politeknik seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan terutamanya untuk meninjau keberkesanan penggunaan Modul Pembelajaran Elektronik (MPE) Pengurusan Penyeliaan (C523) di kalangan pelajar-pelajar kursus Diploma Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS. Perisian yang digunakan bagi membangunkan modul ini ialah Microsoft Frontpage. Kaedah soal selidik digunakan untuk menjalankan kajian ini dan dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science*” (SPSS). Hasil dapatan kajian menunjukkan Modul Pembelajaran Elektronik yang telah dihasilkan telah mencapai objektif yang telah digariskan dimana min skor bagi objektif yang pertama ialah 3.95, objektif kedua 4.24 dan objektif ketiga 3.84.

## ABSTRACT

With the advent of information technology era, the education world have experienced a vast change. The existence of computers in the education world cannot be avoided. The usage of computers as teaching and learning apparatus can be developed in a way to upgrade the quality of teaching and learning. However, the usage of computers as a teaching and learning medium was still not being used widely in the polytechnics in Malaysia. In conjunction to this, the research was conducted mainly to survey the effectiveness of The Electronic Learning Module usage among students of Diploma in Building Services, POLIMAS. In order to develop this module, the Microsoft Frontpage software has been used. Questionnaires method was used to conduct the survey and analyses of the data was done by using “*Statistical Package for Social Science*” (SPSS). The result from the research showed that the Electronic Learning Module had achieved the outlined objectives where the mean score for the first objective was 3.95, second objective was 4.24 and the third objective 3.84.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	BINGKISAN DARI HATI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	DAFTAR ISTILAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>I</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Skop Kajian	7
1.8	Definisi Istilah	7
	1.8.1 Modul Pembelajaran Elektronik	7
	1.8.2 Pembelajaran Elektronik	7

1.8.3	Komputer	8
1.8.4	Pelajar-Pelajar Kursus Diploma Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS	8
1.8.5	Proses Pembelajaran	8
1.8.6	Motivasi	8

## II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	9
2.1	Modul Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran	9
2.2	Impak Teknologi Pengajaran Terhadap Pendidikan	12
2.2.1	TP Mengubah Peringkat Membuat Keputusan	12
2.2.2	TP Membentuk Empat Jenis Pola Pengajaran	14
2.2.2.1	Hubungan Antara Guru Dengan Pelajar	14
2.2.2.2	Guru Dengan Bahan Pandang Dengar	14
2.2.2.3	Guru Dengan Sistem Pengajaran Dan Media	15
2.2.2.4	Media Pengajaran Sahaja (Tiada Peranan Guru)	15
2.3	Komputer Sebagai ABBM Dalam Pendidikan	17
2.4	Pembelajaran Elektronik ( <i>E-Learning</i> )	19
2.4.1	Kebaikan Pembelajaran Elektronik ( <i>E-Learning</i> )	20

## III METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	23
3.1	Rekabentuk Kajian	23
3.2	Subjek Kajian	24

3.3	Tempat Kajian	24
3.4	Instrumentasi	25
3.5	Kajian Rinris	26
3.6	Prosedur Kajian	27
3.7	Kaedah Analisa Data	
	3.7.1 Peratusan	28
	3.7.2 Purata Skor	28
3.8	Andaian Kajian	30
3.9	Limitasi Kajian	30

#### **IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK**

4.1	Pengenalan	31
4.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	31
4.3	Rekabentuk Produk	32
	4.3.1 Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	33
	4.3.1.1 Hipermedia	33
	4.3.1.2 Hiperteks	34
	4.3.1.3 Penggunaan Teks Dalam Modul	34
	4.3.1.4 Penggunaan Grafik Dalam Modul	35
	4.3.1.5 Penggunaan Audio dalam Modul	36
	4.3.2 Kronologi Pembinaan Produk	36
	4.3.3 Langkah-Langkah Penggunaan Modul	37
	4.3.3.1 Membuka Fail	37
	4.3.3.2 Antaramuka Pertama Modul Pembelajaran Elektronik	37
	4.3.3.3 Antaramuka Kedua Modul Pembelajaran Elektronik	38
	4.3.3.4 Halaman Bab Modul Pembelajaran Elektronik	39



4.3.3.5 Halaman Soalan Modul Pembelajaran Elektronik	41
4.3.4 Permasalahan Dalam Membina Modul	41

## **V ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

5.0 Pengenalan	43
5.1 Pengumpulan Sampel Dan Responden	44
5.2 Latar Belakang Responden	44
5.2.1 Jantina	45
5.2.2 Status Perkahwinan	45
5.2.3 Bangsa	46
5.2.4 Aliran Semasa Sekolah Menengah	46
5.2.5 Kelayakan Masuk	47
5.2.6 Pengalaman Bekerja	48
5.3 Analisis Terhadap Penggunaan MPE Yang Dihasilkan Di Dalam Membantu Proses Pembelajaran Pelajar	49
5.4 Analisis Terhadap Persepsi Pelajar Terhadap Keperluan Penggunaan MPE	54
5.5 Analisis Terhadap MPE Di Dalam Meningkatkan Motivasi Pelajar Untuk Belajar	58

## **VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.0 Pengenalan	63
6.1 Perbincangan	64

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL SURAT	TAJUK	MUKA
3.1	Pembahagian kategori di dalam borang soalselidik	24
3.2	Skala Likert	25
3.3	Pengiraan julat skor min	29
3.4	Jadual taksiran min dan tahap penerimaan responden	29
5.1	Taburan responden mengikut jantina	45
5.2	Taburan responden mengikut status perkahwinan	45
5.3	Taburan responden mengikut bangsa	46
5.4	Taburan responden mengikut aliran semasa sekolah menengah	47
5.5	Taburan responden mengikut kelayakan kemasukan	48
5.6	Taburan responden mengikut pengalaman bekerja	48
5.7	Penggunaan MPE yang dihasilkan di dalam membantu proses pembelajaran pelajar	49
5.8	Persepsi pelajar terhadap keperluan penggunaan MPE	54
5.9	MPE di dalam meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar	58

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH SURAT	TAJUK	MUKA
2.1	Kemasukan media tradisional dalam kokurikulum : Peringkat Perlaksanaan	13
2.2	Kemasukan teknologi pengajaran dalam kurikulum : Peringkat perancangan	14
2.3	Pengajaran tradisional	15
2.4	Guru dan media	16
2.5	Perkongsian tanggungjawab antara guru dan media (pendekatan sistem)	16
2.6	Penggunaan media sahaja	16
4.1	Antaramuka pertama modul pembelajaran elektronik pengurusan penyeliaan (C523)	38
4.2	Antaramuka kedua modul pembelajaran elektronik pengurusan penyeliaan (C523)	39
4.3	Halaman bab yang mengandungi senarai sub-sub bab	40
4.4	Penggunaan <i>hyperteks</i> menu	41
5.1	Taburan terhadap MPE yang dihasilkan di dalam membantu proses pembelajaran pelajar	50
5.2	Penggunaan MPE menjadikan pelajar semakin sukar memahami pelajaran	51
5.3	Soalan-soalan latihan yang disertakan dapat membantu pelajar untuk membuat ulangkaji bagi mata pelajaran ini	53
5.4	MPE seharusnya dijadikan sebagai bahan rujukan tambahan bagi semua mata pelajaran	56
5.5	Pembelajaran berasaskan komputer perlu ditekankan bagi persediaan ke alam pekerjaan	57
5.6	Penggunaan MPE menurunkan motivasi pelajar untuk belajar	61

**DAFTAR ISTILAH**

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
CD	-	Compact Disk (Cakera Padat)
MPE	-	Modul Pembelajaran Elektronik
POLIMAS	-	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra. Kedah Darul Aman.
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
TP	-	Teknologi Pengajaran
SPSS	-	Statistical Package For Social Science



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

## LAMPIRAN

## TAJUK

A	Borang Soal Selidik
B	Analisis Kajian Rintis
C	Hasil Proses Data SPSS



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang menuju ke arah negara maju pada tahun 2020. Adalah menjadi keperluan bagi Malaysia untuk melahirkan masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan tinggi di dalam pelbagai bidang. Menjadi negara maju bukanlah bererti negara tersebut maju dari segi material dan fizikal semata-mata, tetapi juga kemajuan yang perlu dicapai oleh seluruh rakyat dalam pelbagai aspek.

Selaras dengan kemajuan yang ingin dicapai, bidang pendidikan tidak ketinggalan di dalam memainkan peranan bagi memastikan Malaysia mencapai tahap negara maju sebagaimana yang diharapkan. Oleh itu, para pendidik di Malaysia perlu turut serta mengorak langkah untuk sama-sama berusaha merealisasikan impian ini. Adalah amat penting memastikan generasi pelajar akan datang akan lebih mantap dan berupaya mencapai tahap yang tinggi dan setara dengan negara-negara maju yang lain. Ini kerana, setiap kemajuan dan perkara yang ingin dicapai dimulai dengan bidang ilmu yang dikuasai. Tanpa penguasaan ilmu yang menyeluruh, agak sukar bagi kita untuk mencapai Wawasan 2020.

Perubahan dan kemajuan yang dicapai dari masa ke semasa telah banyak mengubah sistem pendidikan negara termasuk pendidikan politeknik di seluruh negara. Pelbagai teknik-teknik dan pendedahan baru yang telah dibuat bagi memastikan sistem pendidikan negara dan kualitinya menepati kehendak dan keperluan semasa. Oleh itu, semua pihak yang terlibat perlulah sama-sama berusaha

dan berganding bahu di dalam memastikan sistem pendidikan negara dapat terus bersaing di persada antarabangsa dan menjadi peneraju dunia di masa akan datang.

Usaha-usaha kerajaan dalam melaksanakan Koridor Raya Multimedia adalah untuk membangunkan negara ke hadapan dengan pelbagai dimensi pembangunan iaitu pertanian, perindustrian, pentadbiran dan termasuk juga pendidikan ke era Teknologi Komunikasi Maklumat. Pembangunan yang dibangunkan ini adalah bagi menyediakan, melengkapkan dan menuju bagi mencapai status negara maju menjelang 2020.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Era komputer telah memasuki dan mempengaruhi kehidupan manusia dari pelbagai aspek. Kepentingan komputer sememangnya tidak dapat dinafikan lagi kepada kehidupan manusia masa kini. Selari dengan itu, penggunaan dan pengetahuan mengenai komputer juga akan menjadi satu kemestian dalam pembangunan diri seseorang pada masa akan datang. Ketinggalan dalam ilmu pengkomputeran akan meninggalkan kita jauh dalam arus perkembangan globalisasi dunia.

Begitulah juga keadaanya di dalam senario pendidikan negara terutamanya di politeknik dimana penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) memerlukan pembaharuan serta perubahan bagi menyediakan golongan masyarakat yang lebih bersedia untuk bersaing dalam era globalisasi. Penggunaan teknologi pendidikan yang lebih moden diperlukan bagi mengatasi masalah ini. Bagi menyahut cabaran ini, pihak kerajaan telah mewujudkan makmal-makmal komputer sekolah diseluruh negara sama ada diperingkat rendah mahupun diperingkat menengah. Wujudnya makmal-makmal komputer ini bagi menjadikan golongan pelajar merasa tidak asing dengan teknologi pengkomputeran pada masa akan datang.

Seandainya pendidikan masa kini tidak menumpukan perhatian yang khusus terhadap penggunaan komputer di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), ini akan menyebabkan kemajuan negara pada masa akan datang akan terjejas memandangkan perkembangan di dalam teknologi berkaitan dengan komputer sama ada perisian mahupun kelengkapannya berkembang dengan begitu pesat dari masa ke semasa.

Di bawah agenda Teknologi Maklumat Malaysia, akan sampai masanya semua guru di tanah air akan beralih menjadi pengguna komputer yang serius, dan akan terlibat secara langsung dalam perubahan secara besar-besaran dalam rutin harian mereka ( Lee Ong Kim, 1998). Perubahan penting yang akan berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah di mana bilik darjah tidak lagi akan melihat proses P&P yang berpusatkan guru semata-mata tetapi juga berpusatkan pelajar. Dengan menggunakan komputer sebagai medium pembelajaran, pelajar akan dapat mengaplikasikan ilmu yang disampaikan dengan lebih mudah dan teratur dengan bantuan guru.

Walau pun penggunaan komputer di dalam bidang pendidikan adalah amat perlu dan memberi impak yang positif, namun penggunaannya masih di tahap yang minimum sama ada diperingkat sekolah mahu pun diperingkat pengajian yang lebih tinggi seperti di politeknik. Penggunaan kaedah '*chalk and talk*' atau penerangan dan penulisan di papan tulis masih dianggap sebagai kaedah terbaik di dalam menyampaikan proses P&P.

Selain daripada menjadikan komputer sebagai ABBM di dalam proses P&P bagi tujuan pembangunan dan kemajuan masyarakat akan datang, penggunaan komputer sebagai satu medium baru dalam pendidikan juga mampu menarik motivasi pelajar untuk belajar kerana manusia sering suka dan berminat dengan perkara yang baru, ini kerana di dalam proses pembelajaran terdapat perbezaan individu yang ketara dikalangan pelajar-pelajar. Menurut Mok Soon Sang (2001), perbezaan individu diertikan sebagai ketidaksamaan dalam aspek perkembangan secara fizikal, mental, emosi dan sosial dikalangan individu. Oleh itu, penggunaan komputer di dalam pendidikan perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan lagi



kualiti pendidikan negara secara menyeluruh memandangkan ia mampu menarik perhatian pelajar untuk belajar.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Dengan latar belakang yang telah dibincangkan dalam topik sebelum ini serta melalui pemerhatian penyelidik, didapati amalan pendidikan di politeknik-politeknik masih kurang memberikan perhatian terhadap komputer sebagai ABBM di dalam proses P&P. Sehubungan dengan itu, ini akan mengakibatkan kesan yang negatif kepada proses pemindahan ilmu kepada pelajar-pelajar menjurus kepada pembangunan negara memandangkan hasrat kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja separuh mahir yang berkualiti ini kerana teknologi pengkomputeran telah menguasai dunia di dalam era globalisasi.

Oleh yang demikian, pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar politeknik seharusnya diberi pendedahan awal berkaitan dengan penggunaan teknologi pengkomputeran, untuk merealisasikan hasrat ini perubahan kepada kaedah P&P yang lebih berkesan perlu diberi penekanan oleh para pendidik yang sememangnya berkebolehan. Justeru itu, penggunaan ABBM yang berteraskan komputer seperti modul pembelajaran elektronik (MPE) perlu diperkenalkan di dalam proses P&P. Selain daripada itu, berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, didapati penggunaan MPE didalam proses P&P telah berjaya meningkatkan kualiti P&P terutama dari segi motivasi, minat, sikap, gaya pembelajaran, pencapaian akademik dan sebagainya.

Rentetan daripada itu, penyelidik mendapati penggunaan MPE sebagai ABBM di politeknik masih belum dilaksanakan dengan meluas. Justeru itu, penyelidik ingin memperkenalkan MPE sebagai satu medium di dalam proses P&P di politeknik seterusnya mengkaji sejauhmanakah modul pembelajaran elektronik yang dihasilkan memberikan kesan ke atas proses pembelajaran pelajar serta mengkaji sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap keperluan penggunaan modul

pembelajaran elektronik ini. Selain daripada itu, penyelidik juga ingin mengkaji adakah MPE yang dihasilkan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat pengaruh modul pembelajaran elektronik ke atas proses pembelajaran pelajar-pelajar Kursus Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS. Beberapa objektif telah ditetapkan dalam kajian ini, iaitu:

- i) Menenalpasti sama ada modul pembelajaran elektronik ini membantu pelajar di dalam proses pembelajaran.
- ii) Menenalpasti persepsi pelajar terhadap keperluan penggunaan modul pembelajaran elektronik ini.
- iii) Menenalpasti sama ada modul pembelajaran elektronik yang dihasilkan mampu meningkatkan motivasi pelajar.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Untuk kajian ini, penyelidik akan menumpukan perhatian kajian terhadap beberapa kesan yang diberikan hasil penggunaan modul pembelajaran elektronik ke atas proses pembelajaran pelajar. Oleh itu, persoalan kajian penyelidik adalah seperti berikut:

- i) Sejauhmanakah modul pembelajaran elektronik ini memberikan kesan ke atas proses pembelajaran pelajar?

- ii) Sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap keperluan penggunaan modul pembelajaran elektronik ini?
- iii) Terdapatkah hubungan yang signifikan diantara MPE yang dihasilkan dengan motivasi pelajar untuk belajar?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Selepas siapnya kajian ini, adalah diharapkan hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan, ia dapat membantu memperbaiki kualiti kerja sedia ada bagi mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran pihak-pihak berikut:

### i) POLIMAS

Memberi panduan kepada pihak POLIMAS untuk menilai akan penggunaan modul pembelajaran elektronik di dalam sistem pendidikan yang dilaksanakan di POLIMAS bagi tujuan peningkatan prestasi dan kualiti akademik pelajar.

### ii) KUiTTHO

Seandainya dapatan menunjukkan tanda-tanda positif terhadap penggunaan modul pembelajaran elektronik ini, ia boleh dijadikan landasan kepada KUiTTHO untuk turut serta menggunakan modul pembelajaran elektronik ini dengan lebih serius dan sistematik.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan maklumbalas dari pelajar-pelajar kursus Diploma Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS sahaja tentang penggunaan modul pembelajaran elektronik dan tidak melibatkan mana-mana pelajar kursus yang sama dari politeknik lain di Malaysia atau mana-mana institusi pendidikan lain. Walau bagaimanapun, dapatan ini mungkin boleh digunakan sebagai gambaran terhadap kesan penggunaan modul pengajaran elektronik ke atas pelajar-pelajar.

## **1.8 Definisi Istilah**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu penjelasan yang lebih lanjut bagi memahami kajian ini. Istilah-istilah tersebut adalah;

### **1.8.1 Modul Pembelajaran Elektronik (MPE)**

Istilah modul pembelajaran elektronik (MPE) yang digunakan di dalam kajian ini adalah merujuk modul pembelajaran yang dibina menggunakan perisian Microsoft Frontpage yang dimuatkan ke dalam cakera padat. Modul ini memerlukan medium komputer bagi pengoperasiannya.

### **1.8.2 Pembelajaran Elektronik**

Pembelajaran elektronik mempunyai pelbagai istilah seperti pembelajaran digital, pembelajaran berasaskan web, pembelajaran berasaskan komputer pembelajaran berbantuan komputer dan sebagainya. Di dalam

penulisan ini, pembelajaran elektronik membawa maksud suatu proses pembelajaran yang menggunakan pendekatan dan kaedah interaksi yang menggunakan komputer dan teknologi maklumat. Ia juga boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

### **1.8.3 Komputer**

Komputer ialah mesin elektronik yang berteknologi tinggi yang berupaya memaparkan unsur-unsur multimedia seperti grafik, audio, animasi dan sebagainya.

### **1.8.4 Pelajar-Pelajar Kursus Diploma Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS**

Pelajar-pelajar kursus Diploma Perkhidmatan Bangunan, POLIMAS ialah pelajar-pelajar yang mengikuti kursus tersebut di POLIMAS dan akan terlibat secara langsung dengan industri binaan apabila tamat pengajian. Tempoh kursus ini adalah selama dua tahun bagi peringkat sijil dan tiga tahun bagi peringkat diploma.

### **1.8.5 Proses Pembelajaran**

Di dalam kajian ini, proses pembelajaran membawa maksud proses, kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pelajar-pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan.

### **1.8.6 Motivasi**

Motivasi membawa maksud dorongan yang menyebabkan pelajar bertambah rajin, berminat dan semakin bersemangat untuk belajar.

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Dari bidang perniagaan ke bidang pendidikan, komputer telah menjadi satu media yang penting yang telah mengubah dan memberikan kesan yang mendalam. Penggunaan komputer telah dipertingkatkan dan menjadi sebagai satu keperluan yang tidak dapat dinafikan kepentingannya. Di dalam bidang pendidikan, penggunaan komputer ini juga telah digunakan dengan meluas dari pelbagai aspek seperti di dalam urusan pendaftaran pelajar, rekod data-data pelajar, susunan jadual waktu dan sebagainya.

#### **2.1 Modul Sebagai Medium Pengajaran Dan Pembelajaran**

Mengembangkan potensi individu pelajar adalah perlu diberikan perhatian oleh semua pihak sama ada pelajar itu sendiri, ibu bapa, guru mahu pun pihak Kementerian Pendidikan sendiri. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Falsafah Pendidikan Negara, "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan....." (Ee Ah Meng, 1999). Memperkembangkan potensi individu ini adalah amat penting bagi memastikan generasi akan datang dapat dilahirkan dengan sifat-sifat dan kualiti diri yang menyeluruh dan sempurna. Perkembangan potensi individu ini perlulah bermula dari peringkat yang paling

pokok iaitu melalui pendidikan. Oleh itu, kaedah pendidikan terbaik perlulah disediakan bagi memulakan proses mengembangkan potensi individu ini.

Pendidikan yang sempurna merupakan teras kepada kemajuan dan mutu kehidupan yang baik ( Omardin Ashaari, 1999). Selaras dengan ini, penegasan sentiasa diberi dari segi bentuk dan mutu pendidikan pada semua peringkat. Dalam hal ini, langkah-langkah diambil untuk meninjau dan menganalisa aliran dan perkembangan penting yang berlaku di kebanyakan negara di dunia dalam membentuk dan menentukan bidang akademik atau amalan mengajar.

Dalam membuat penentuan terhadap menghasilkan pendidikan yang terbaik, penggubal dasar pendidikan kerap kali menjuruskan kepada hasrat dan cita-cita negara. Pendekatan ini amat penting untuk membuat perancangan pendidikan negara dan dalam menyediakan dan menyusun rancangan akademik bagi perkembangan pelajaran yang saling berkait, teratur dan bermutu. Ini termasuklah penyediaan dan pengeluaran bahan akademik seperti sukatan, panduan guru, bahan pembelajaran pelajar, alat penilaian, ABBM dan alat reka bentuk untuk pengajaran. Tingkat kemajuan pelajar sememangnya berkait rapat dengan pengeluaran bahan akademik di atas terutamanya ABBM yang digunakan. Ini memandangkan ABBM merupakan medium yang menghubungkan pelajar dengan guru dan juga pelajar dengan isi kandungan pelajaran.

Untuk meningkatkan kedudukan pencapaian akademik pelajar-pelajar adalah dengan kaedah mempertingkatkan ilmu pedagogi terhadap pihak pentadbiran institusi yang terlibat dan juga guru-guru yang terlibat dalam proses pengajaran. Guru perlulah memahami akan keadaan pelajar dan menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai dan boleh menarik minat pelajar untuk belajar. Pendekatan yang digunakan juga perlulah memberi kesan yang mendalam ke atas diri pelajar. Kesan ini dapat diwujudkan dengan menggunakan ABBM yang bersesuaian dan dapat menarik minat pelajar.

Penggunaan modul di dalam pembelajaran bukanlah bertujuan untuk mengambil alih tugas guru sebagai pendidik, tetapi sebagai membantu tugas guru di dalam menyampaikan proses P&P. Penggunaan modul ini membolehkan pelajar



belajar secara individu dan menggunakan kemahiran masing-masing di dalam menguasai ilmu. Ini kerana di dalam pembelajaran individu, ia mengambil kira perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar dan berusaha menyesuaikan proses pembelajaran seseorang pelajar mengikut keperluan mereka sendiri.

Setiap pelajar mempunyai kaedah belajar, tahap pemahaman, masa belajar dan minat yang berbeza di antara satu sama lain. Oleh itu, penekanan terhadap pembelajaran individu akan menjadikan seseorang pelajar menyesuaikan keadaan pembelajaran dengan dirinya sendiri. Ia juga akan menjadikan pelajar seorang yang dinamik dan rajin kerana kejayaannya akan ditentukan oleh usaha dan kesungguhannya sendiri. Menurut Shahrom Noordin (1995), pembelajaran individu ini meletakkan tanggungjawab pembelajaran ke atas bahu para pelajar sendiri dan ini sering menghasilkan dorongan yang lebih baik untuk pembelajaran dan juga perkembangan konsep sendiri dan nilai peribadi.

Para pelajar yang normal sekalipun mempunyai perbezaan-perbezaan individu antara satu sama lain. Di antara perbezaan individu tersebut termasuklah dari segi aras kognitif, kadar pembelajaran untuk memahami sesuatu konsep, aras dorongan, aras kemahiran psikomotor, sikap serta konsep nilai terhadap sesuatu mata pelajaran. Kadang kala perbezaan ini disebabkan rasa rendah diri dan juga rasa malu yang menebal di kalangan pelajar-pelajar yang dipengaruhi oleh keadaan di dalam kelas. Tumpuan guru yang berat sebelah juga merupakan antara faktor penyebab ke atas kelemahan-kelemahan pelajar di dalam kelas. Jadi, penggunaan kaedah pembelajaran individu dapat membantu pelajar untuk mengukuhkan pemahaman mereka dengan mengulangkaji secara individu atau sendiri tanpa gangguan dan tekanan persekitaran.

Dewasa ini, kaedah pengajaran menggunakan modul telah mendapat perhatian yang mendalam daripada pelbagai pihak sama ada individu mahu pun badan-badan yang terlibat dengan bidang pendidikan. Penggunaan modul ini bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar meneruskan proses pembelajaran yang mereka ikuti dengan mengikut kadar kebolehan masing-masing. Ini kerana, tidak semua pelajar boleh menerima atau menumpukan perhatian terhadap pengajaran pada masa yang sama disebabkan oleh faktor penghalang masing-masing. Masalah-



## Bibliografi

AECT (1979). "The Definition Of Educational Technology AECT.": Washington D.C.

Anuar Noordin (1995). "Persepsi Pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTHO Semester Pertama Terhadap Pembelajaran Berasaskan Web." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal.

Ee Ah Meng (1999). "Pendidikan Di Malaysia 1: Falsafah Pendidikan Guru Dan Sekolah." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

George (1993). "Teaching And Media: A Systematic Approach." England: Prentice Hall.

Heinich R. (1996). "Instructional Media And The New Technologies Of Instruction." New York: John Wiley And Sons.

Iskandar Ab Rashid (2002). "Siri XP Microsoft Frontpage 2002: Langkah Demi Langkah." Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.

Jamalludin Harun (2000). "Pengenalan Kepada Multimedia." Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.

Lee Ong Kim (1998). "Penguasaan Kemahiran IT Untuk Abad Ke-21:Fokus Kepada Pengajaran-Pembelajaran." *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*. Jilid 08 (Bil 01).

Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Najib (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mok Soon Sang (2001). "Psikologi Pendidikan-Untuk Kursus Diploma Pendidikan."  
Subang Jaya:Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Muhamad Hasan (2000). "Media Pengajaran: Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan." Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Murshidah (1987). "Keberkesanan Kegiatan Kelab Komputer Sekolah: Satu Kajian Kes Pelajar, Pusat Teknologi Pendidikan Dan Media, USM." Pulau Pinang:Universiti Teknologi Malaysia.

Omardin Ashaari (1999). "Pengurusan Sekolah: Suatu Panduan Lengkap." Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.

Shahrom Noordin (1995). "Pengajaran Individu Menggunakan Modul Pengajaran Kendiri Di Sekolah Menengah." Seminar Nasional Ke-5 Perguruan Pendidikan 1995 (Institut Aminudin Baki): Fakulti Sains Universiti Teknologi Malaysia.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1981). "Pengenalan Pengajaran Individu Dengan Tumpuan Khas Kepada Modul Pengajaran Dan Modul Pembelajaran." *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*. **Jilid 3** (Bil 1).

Slyvester Gindan (2001). "Kajian Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Bahan Media Elektronik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran di KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal.

Yusup (1991). "Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Yusup Hashim (1998). "Teknologi Pengajaran." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.